



16 JUL, 2019

## George Kent meterai perjanjian dengan Honeywell

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

### George Kent meterai perjanjian dengan Honeywell

**KUALA LUMPUR** - George Kent International Pte Ltd (GKI), sebuah anak syarikat George Kent (Malaysia) Bhd. telah memeterai perjanjian pelesenan jangka panjang dengan Honeywell untuk mengeluarkan komponen pengukuran meter air kepersisan tinggi bagi meter air isi padu C-Class V100 dan V110.

Perjanjian itu juga merangkumi pemindahan mesin dan peralatan berkaitan.

Ketika ini, kumpulan masih mengimport komponen pengukuran kepersisan serta pencatat Honeywell, yang kemudian dipasang dengan perumah tembaga yang dikeluarkan oleh kumpulan itu.

"Di bawah perjanjian berkenaan, kumpulan akan mengeluarkan komponen pengukuran, perumah tembaga dan memasang peralatan untuk menjadikannya sebagai meter air yang lengkap.

"Ini akan membolehkan kumpulan mengawal bekalan komponen dalam memenuhi permintaan yang semakin meningkat termasuk mengurangkan kos pengeluaran," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Perjanjian pelesenan juga akan membolehkan kumpulan menjual produk-produk di bawah cap dagang dan jenama George Kent secara eksklusif di rantau Asia.

- Bernama



16 JUL, 2019

## George Kent meterai perjanjian dengan Honeywell

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR - George Kent International Pte Ltd (GKI), sebuah anak syarikat George Kent (Malaysia) Bhd. telah memeterai perjanjian pelesenan jangka panjang dengan Honeywell untuk mengeluarkan komponen pengukuran meter air kepersisan tinggi bagi meter air isi padu C-Class V100 dan V110. Perjanjian itu juga merangkumi pemindahan mesin dan peralatan berkaitan. Ketika ini, kumpulan masih mengimport komponen pengukuran kepersisan serta pencatat Honeywell, yang kemudian dipasang dengan perumah tembaga yang dikeluarkan oleh kumpulan itu.